# Program Kesihatan Khas untuk Anggota Sektor Awam, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan



# CUEPACSCARE

Ditaja Jamin Oleh:
**FWD Takaful Berhad**
(731530-M)

Tingkat 29, Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
**Tel : 03-2771 7771/1300 13 7988**
**Faks : 03-2710 7800**

Pusat Khidmat Tuntutan (TPA) Oleh:
**CuepacsCare4U Solutions Sdn Bhd**
200201019514 (587177-U)

B-5-3, Pusat Perdagangan Intania,
Jalan Intan 1/KS1, Persiaran Raja Muda Musa,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.
**TALIAN HOTLINE**
**Tel : 03 3374 6268**
**Faks : 03 3374 1095**

Agen/Wakil:
**Medicare Assistance Sdn Bhd**
199901017930 (492830-K)

A-1-8, Pusat Perdagangan Intania,
Jalan Intan 1/KS1, Persiaran Raja Muda Musa,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.
**Tel : 03 3371 4248**
**Faks : 03 3371 4258**

Buku ringkasan ini adalah untuk penerangan sahaja dan bukan sebahagian daripada Sijil Induk/Jadual Sijil Takaful.
Untuk keterangan lanjut mengenai perlindungan Takaful ini sila rujuk kepada Sijil Induk/Jadual Sijil Takaful.

KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| 1 | PROGRAM TAKAFUL PENGHOSPITALAN & PEMBEDAHAN CUEPACSCARE |
| 2 | JADUAL MANFAAT |
| 3 - 6 | SKOP PERLINDUNGAN |
| 6 - 8 | PENGECUALIAN |
| 8 | PENERANGAN |
| 9 | PENGGUNAAN KAD CUEPACSCARE |
| 10 | PENDAFTARAN & PEMERIKSAAN AWAL |
| 10 | KEMASUKAN WAD |
| 11 | DISCAJ DARIPADA HOSPITAL |
| 11 | PROSEDUR TUNTUTAN |
| 12 - 17 | SENARAI HOSPITAL PANEL |

# PROGRAM TAKAFUL PENGHOSPITALAN & PEMBEDAHAN CUEPACSCARE

CUEPACS

## Anda sentiasa dilindungi, setiap masa dan di mana jua

Kesihatan merupakan aspek kehidupan yang amat penting dan satu-satunya aset yang tidak ternilai harganya. Seiring dengan kemajuan yang telah dicapai, pelbagai kaedah moden telah diperkenalkan untuk merawat pelbagai penyakit.

Sebagai Penjawat Awam, anda layak menerima rawatan komprehensif di hospital kerajaan dengan mudah tanpa bayaran. Tetapi, bilangan doktor pakar yang terhad di hospital kerajaan ada kalanya menyebabkan pesakit terpaksa menunggu giliran yang agak lama, manakala di hospital swasta, walaupun menyediakan rawatan yang pantas, kos rawatannya agak tinggi dan perlu ditanggung sendiri. Kos ini di luar kemampuan kebanyakan Penjawat Awam.

Menyedari hakikat ini, CUEPACS dengan kerjasama Medicare Assistance Sdn Bhd telah memperkenalkan Program Takaful Penghospitalan dan Pembedahan CUEPACSCARE pada tahun 1999, khas untuk Penjawat Awam, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa. Ini adalah satu inisiatif untuk mewujudkan alternatif bagi Penjawat Awam bersama keluarga untuk mendapatkan rawatan di hospital pakar swasta pada kadar yang mampu disertai oleh semua warga Penjawat Awam.

## KELAYAKAN PENYERTAAN

**1. Khas Untuk Penjawat Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan**

- Penyertaan baru adalah dari umur 18 tahun hingga 59 tahun. Pembaharuan akan dilanjutkan sehingga umur 70 tahun.

**2. Tanggungan Anggota**

- Suami atau isteri peserta yang sah dan berumur di bawah 60 tahun semasa menyertai Sijil Takaful ini. Pembaharuan akan dilanjutkan sehingga umur 70 tahun.
- Perlindungan diberikan untuk anak yang tidak bekerja dan belum berkahwin, yang berumur melebihi 30 hari hingga bawah 19 tahun, atau hingga bawah 23 tahun bagi yang masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi.
- Setiap kelahiran anak yang baru perlu didaftarkan bagi membolehkan perlindungan dibawah sijil takaful ini diberikan.

## KEISTIMEWAAN

- Menyediakan perlindungan ke atas perbelanjaan kos rawatan dan pembedahan apabila orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital.
- Pemeriksaan kesihatan tidak diperlukan untuk menyertai.
- Sumbangan yang anda mampu bayar.
- Kemudahan potongan gaji.
- Elaun tunai harian untuk kemasukan ke Hospital Kerajaan.
- Perkhidmatan Pusat Khidmat Tuntutan 24 Jam.

# JADUAL MANFAAT

| Jadual Manfaat Peserta & Keluarga | | |
|---|---|---|
| **Manfaat-manfaat** | **Individu** | **Keluarga** |
| **1. Perbelanjaan Hospital** | | |
| • Bilik dan Penginapan - maksimum 150 hari | RM150 | RM150 |
| • Unit Rawatan Rapi (ICU) - maksimum 60 hari | RM300 | RM300 |
| • Bekalan dan Khidmat Hospital | Kos sebenar yang dikenakan | |
| • Bayaran Ambulans | RM250 | RM250 |
| **2. Perbelanjaan Pembedahan** | | |
| • Ujian Diagnostik Pra Pembedahan (dalam tempoh 30 hari sebelum penginapan hospital) | Kos sebenar yang dikenakan | |
| • Bayaran Pembedahan (rawatan sebelum penginapan hospital sehingga 30 hari dan rawatan selepas pembedahan sehingga 30 hari dari tarikh keluar daripada hospital) | | |
| • Bayaran Pakar Bius | | |
| • Bayaran Bilik Bedah | | |
| **3. Perbelanjaan Bukan Pembedahan** | | |
| • Ujian Diagnostik Pra Hospital (dalam tempoh 30 hari sebelum penginapan hospital) | Kos sebenar yang dikenakan | |
| • Rundingan Pakar Pra Hospital (dalam tempoh 30 hari sebelum penginapan hospital) | | |
| • Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum sehingga 150 hari) (maksimum 2 lawatan sehari) | | |
| • Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam tempoh 30 hari dari tarikh keluar dari hospital) | | |
| **Manfaat Lain** | | |
| • Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan (dalam tempoh 24 jam dan rawatan susulan sehingga 30 hari) | RM1,000 | RM1,000 |
| • Bayaran Laporan Perubatan | RM60 | RM60 |
| • Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (maksimum 150 hari) | RM50 | RM50 |
| • Pemindahan organ (penerima organ sahaja) (buah pinggang, jantung, paru-paru, hati, sumsum tulang) | RM20,000 (sekali seumur hidup) | RM20,000 (sekali seumur hidup) |
| • Rawatan Kanser Pesakit Luar setiap bulan | RM2,000 | RM2,000 |
| • Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar setiap bulan | RM2,000 | RM2,000 |
| • Cukai Kerajaan (SST) | peratusan semasa daripada perbelanjaan yang layak dibayar | |
| • Had Maksimum setiap Kemasukan ke Hospital dan setiap mana-mana satu hilang upaya | RM20,000 | RM20,000 |
| • Had Tahunan Keseluruhan | RM40,000 | RM60,000 satu keluarga |

# SKOP PERLINDUNGAN

1. **Bilik dan penginapan hospital**
   Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang perlu dari segi perubatan untuk bilik, penginapan dan makan. Jumlah manfaat hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh hospital semasa anda dirawat di hospital, tetapi tidak boleh melebihi kadar harian manfaat bilik dan penginapan dan bilangan hari maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful. Anda hanya layak menerima manfaat ini apabila dimasukkan ke hospital sebagai pesakit lebih dari enam (6) jam.

2. **Unit rawatan rapi**
   Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang perlu dari segi perubatan untuk bayaran sebenar bilik dan penginapan yang ditanggung pesakit semasa dirawat di dalam Unit Rawatan Rapi hospital. Bayaran manfaat ini hendaklah sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh hospital tertakluk kepada kadar harian manfaat bilik dan penginapan dan bilangan hari maksimum, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful. Sekiranya tempoh rawatan di Unit Rawatan Rapi melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful, pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar harian bilik dan penginapan hospital. Manfaat bilik dan penginapan hospital tidak akan dibayar sekiranya dimasukkan di hospital yang sama di mana Manfaat Unit Rawatan Rapi harian dibayar.

3. **Bekalan dan khidmat hospital**
   Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk bayaran sebenar yang ditanggung semasa anda dimasukkan ke hospital sebagai pesakit untuk jagaan am, dadah dan ubat yang dipreskripsikan dan yang dimakan, pencucian dan pembalutan luka, anduh, acuan plaster, sinar-x, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisma basal, suntikan dan larutan intravena, pemberian darah dan plasma darah, tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma, tidak boleh melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful.

4. **Bayaran pembedahan**
   Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk pembedahan oleh pakar/pakar bedah, termasuk penilaian pra-pembedahan, lawatan oleh pakar/pakar bedah dan rawatan selepas pembedahan dari tarikh keluar hospital, adalah tertakluk kepada jumlah bilangan hari maksimum dan jumlah maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful. Jumlah bayaran untuk semua pembedahan yang dijalankan tidak boleh melebihi jumlah maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful sekiranya terdapat lebih daripada satu pembedahan dijalankan bagi mana-mana satu hilang upaya.

5. **Bayaran pakar bius**
   Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh pakar bius untuk pemberian bahan bius tidak boleh melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful.

6. **Bayaran bilik bedah**
   Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk bilik bedah yang berkaitan dengan prosedur pembedahan tidak boleh melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful.

7. **Ujian diagnostik pra hospital**
   Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk ECG, sinar-x dan ujian makmal yang dijalankan untuk tujuan diagnostik bagi kecederaan atau penyakit berkaitan dengan hilang upaya sebelum dimasukkan ke hospital adalah tertakluk kepada bilangan hari dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful dan yang disyorkan oleh pengamal perubatan/pakar. Tiada bayaran akan dibuat untuk perkhidmatan diagnostik sekiranya anda tidak dikehendaki untuk menginap di hospital.

8. **Rundingan pakar pra hospital**
Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk rundingan kali pertama oleh pakar yang berkaitan dengan hilang upaya adalah tertakluk kepada bilangan hari dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful sebelum dimasukkan ke hospital dan dengan syarat rundingan itu adalah perlu dari segi perubatan dan telah disyorkan secara bertulis oleh pengamal perubatan/pakar. Bayaran tidak akan dibuat sekiranya anda tidak dimasukkan ke hospital untuk diagnosis keadaan yang dirawat itu.

9. **Lawatan pakar perubatan dalam hospital**
Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan oleh pakar perubatan untuk lawatan yang perlu dari segi perubatan yang dibayar oleh pesakit semasa dimasukkan ke hospital kerana hilang upaya tetapi tidak memerlukan pembedahan tidak boleh melebihi jumlah lawatan dan bilangan hari maksimum dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful.

10 **Rawatan selepas penghospitalan**
Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung bagi rawatan susulan oleh pakar perubatan yang sama adalah tertakluk kepada jumlah bilangan hari maksimum dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful. Rawatan selepas penghospitalan adalah untuk hilang upaya yang sama seperti semasa dimasukkan ke hospital yang memerlukan/tidak memerlukan pembedahan.

11. **Bayaran ambulans**
Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk keperluan khidmat ambulans domestik (termasuk atendan) ke dan/atau dari hospital adalah tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful. Bayaran tidak akan dibuat jika anda tidak dimasukkan ke hospital.

12. **Rawatan pesakit luar bagi kemalangan**
Pembayaran balik bagi Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung bagi kecederaan anggota badan yang dilindungi akibat daripada kemalangan untuk rawatan sebagai pesakit luar yang perlu dari segi perubatan di mana-mana klinik atau hospital berdaftar dalam tempoh 24 jam dari masa berlaku kemalangan adalah tertakluk kepada jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful. Rawatan susulan oleh doktor yang sama dari klinik atau hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan anggota badan yang dilindungi yang sama adalah tertakluk kepada jumlah bilangan hari maksimum dan jumlah maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful.

13. **Elaun tunai harian di hospital kerajaan**
Pembayaran elaun tunai harian bagi setiap hari semasa dimasukkan ke hospital kerajaan Malaysia untuk hilang upaya yang dilindungi tertakluk kepada kadar Bilik dan Penginapan yang tidak melebihi jumlah dan bilangan hari yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful. Manfaat ini tidak akan dibayar bagi skim pesakit yang membayar penuh di hospital kerajaan.

14. **Bayaran laporan perubatan**
Pembayaran balik bayaran sebenar yang dikenakan bagi laporan perubatan yang lengkap oleh pakar perubatan/pakar bedah yang merawat untuk setiap hilang upaya tetapi tidak boleh melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful.

**15. Cukai ke atas perbelanjaan yang layak**

Pembayaran balik jumlah cukai ke atas perbelanjaan yang layak yang dikenakan oleh klinik atau hospital bagi pembekalan dan perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada anda, yang dibayar di bawah Sijil Induk ini tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful.

**16. Pemindahan organ**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang anda tanggung sebagai penerima organ bagi pembedahan pemindahan buah pinggang, jantung, paru-paru, hati atau sum-sum tulang. Pembayaran bagi manfaat ini adalah tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan dibayar hanya sekali seumur hidup. Kos pemerolehan organ dan semua kos yang ditanggung oleh penderma tidak dilindungi.

**17. Rawatan kanser pesakit luar**

Jika anda didiagnosis menghidap kanser seperti yang dinyatakan di bawah, pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk rawatan kanser yang dijalankan di pusat rawatan kanser berdaftar yang sah tertakluk kepada had bagi hilang upaya seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful. Jenis rawatan yang dilindungi sebagai rawatan kanser hanya terhad kepada radioterapi dan kemoterapi (suntikan atau hisapan), termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang dibawa pulang.

Rawatan tersebut hendaklah diterima atau dinasihat oleh jabatan pesakit luar hospital atau di pusat rawatan kanser berdaftar atau sebaik sahaja keluar dari hospital atau selepas pembedahan.

**Kanser** ditakrifkan sebagai sel malignan yang tumbuh dan merebak secara tidak terkawal dan serangan serta pemusnahan tisu normal yang dianggap memerlukan rawatan perantaraan atau pembedahan utama (tidak termasuk prosedur endoskopi). Kanser tersebut mesti disahkan oleh bukti malignansi histologi.

Ia adalah syarat khas bagi manfaat ini, tanpa menyentuh pengecualian ke atas keadaan sedia ada. Manfaat ini tidak akan dibayar kepada anda yang telah didiagnosis sebagai pesakit kanser dan/atau menerima rawatan kanser sebelum tarikh kuatkuasa perlindungan takaful seperti dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful.

**18. Rawatan dialisis buah pinggang pesakit luar**

Jika anda didiagnosis sebagai mengalami kegagalan buah pinggang seperti yang dinyatakan di bawah, pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang perlu dari segi perubatan dan perlu ditanggung untuk rawatan dialisis buah pinggang yang dijalankan di pusat dialisis berdaftar yang sah tertakluk kepada had hilang upaya ini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Sijil Takaful.

Rawatan tersebut (dialisis termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang dibawa pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar hospital atau di pusat rawatan dialisis berdaftar atau sebaik sahaja selepas keluar dari hospital atau pembedahan.

Kegagalan Buah Pinggang bermaksud kegagalan renal peringkat akhir yang menyebabkan kegagalan kronik, kegagalan kedua-dua buah pinggang yang tidak dapat dipulihkan untuk berfungsi dan oleh itu dialisis renal perlu dimulakan.

Ia adalah syarat khas bagi manfaat ini, tanpa menyentuh pengecualian ke atas keadaan sedia ada. Manfaat ini tidak akan dibayar jika anda telah mengalami penyakit renal kronik dan/atau menerima rawatan dialisis sebelum tarikh kuatkuasa perlindungan takaful.

# SKOP PERLINDUNGAN

**19. Had maksimum setiap kemasukan ke hospital dan setiap mana-mana satu hilang upaya**

Pembayaran balik Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk perkhidmatan dan/atau rawatan yang diberikan kepada anda adalah terhad kepada had maksimum untuk setiap kemasukan ke hospital dan setiap mana-mana satu hilang upaya seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful tanpa mengira jenis hilang upaya. Manfaat berbayar seterusnya adalah tertakluk kepada had keseluruhan tahunan yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful. Jumlah berlebihan yang melebihi had tidak akan dibayar.

# PENGECUALIAN

Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang Penghospitalan, Pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) kejadian berikut:

1. Penyakit sedia ada.

2. Penyakit tertentu yang telah dihidapi dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan.

3. Tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari bagi semua kecuali kecederaan kemalangan.

4. Pembedahan pilihan kosmetik atau plastik termasuk tetapi tidak terhad kepada dua kelopak mata, jerawat, keloid, parut, tag kulit, alopecia/keguguran rambut yang tersebar atau rawatan komplikasi mereka, kecuali pembedahan pembentukan semula yang diperlukan untuk memulihkan fungsi selepas kemalangan yang berlaku dalam tempoh perlindungan takaful.

5. Pemeriksaan mata, cermin mata, kanta sentuh dan semua jenis kanta dan prosedur pembedahan untuk pembetulan ralat refraktif mata dan penggunaan atau pemerolehan peralatan prostetik atau alat pembetulan luaran seperti anggota tiruan, alat bantu pendengaran, perentak yang diimplankan, aerochambers dan peralatan semburan (nebulizing), pad ortopedik, dan preskripsinya.

6. Penyakit gigi termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali yang diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku dalam tempoh perlindungan takaful.

7. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dan semua jenis rawatan yang diterima terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tetapi tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.

8. Apa-apa rawatan atau penilaian untuk penyakit kongenital, keturunan atau tumbesaran, kecacatan, dan hilang upaya atau komplikasi yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada sista dermoid, haemangioma, hidrosele.

9. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan pranatal atau selepas bersalin, serta apa-apa pembedahan kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, menukar jantina, disfungsi seksual termasuk impotensi, ujian atau rawatan berkaitan pensterilan dan khatan yang dilakukan atas sebarang sebab.

10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri ketika siuman atau tidak siuman.

11. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.

12. Pengecualian Sekatan – Kami tidak akan memberikan perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada anda atau tanggungan anda atau pihak lain sekiranya perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, manfaat itu akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.

13. Rawatan untuk sebarang keadaan perubatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari pencemaran radioaktif atau apa-apa bahan nuklear, termasuk pembakaran bahan api nuklear.

14. Perbelanjaan yang anda tanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.

15. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, imbasan PET, terapi sel stem, hiperhidrosis, terapi oksigen hiperbarik, gangguan psikiatri, psikotik, gangguan mental atau saraf, termasuk neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik, gangguan psikiatri seperti neuropsikosis, skizofrenia dan lain-lain.

16. Terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma.

17. Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak diperlukan atau yang dibayar oleh mana-mana pengendali takaful lain atau indemniti yang melindungi anda termasuk hilang upaya akibat daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah *Workmen's Compensation Takaful Contract.*

18. Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan, barang bukan perubatan lain yang tidak layak dan barang-barang yang tidak berkaitan secara langsung dengan rawatan perubatan hilang upaya.

19. Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional, mendaki gunung dengan menggunakan tali atau panduan gunung.

## PENGECUALIAN

20. Sakit atau kecederaan akibat daripada aktiviti yang tidak dibenarkan.

21. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual yang mempunyai lesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.

22. Dadah terlarang, mabuk, penyakit veneral dan sekuelenya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan Aids) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

23. Apa-apa rawatan yang berkaitan dengan tumbesaran yang lambat atau/dan ketidakupayaan pembelajaran.

## PENERANGAN

**Penyakit Khusus Yang Tidak Dilindungi Dalam 120 Hari Pertama**

Penyakit-penyakit di bawah dan komplikasi yang berkaitan dengannya adalah dikecualikan daripada perlindungan jika ia berlaku kepada anda dalam masa 120 hari yang pertama:
a) Hipertensi, Diabetes Mellitus dan penyakit kardiovaskular
b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari
c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak
d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele
e) Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan
f) Gangguan spinal vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut

**Penyakit Sedia Ada**

Penyakit sedia ada terhad kepada hilang upaya yang tersedia ada sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa dan yang sewajarnya diketahui oleh anda. Anda boleh dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya terhadap penyakit sedia ada di mana anda telah mengalami salah satu keadaan yang berikut:
a) Anda telah atau sedang menerima rawatan
b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan
c) Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
d) Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu

**Bayaran Bersama Bagi Bilik dan Penginapan Yang Dinaik Taraf**

Jika anda dimasukkan ke hospital pada kadar bilik & penginapan yang lebih tinggi daripada manfaat yang anda layak, anda hendaklah menanggung 20% daripada manfaat lain yang anda layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful.

**Mana-Mana Satu Hilang Upaya**

Keseluruhan tempoh hilang upaya yang terhasil daripada sebab yang sama termasuk sebarang dan semua komplikasinya kecuali jika anda telah pulih sepenuhnya dan bebas daripada rawatan lanjut (termasuk dadah, ubat, diet khas atau suntikan atau nasihat tentang keadaannya) bagi hilang upaya itu selama sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar hospital dan hilang upaya yang berikutnya daripada sebab yang sama hendaklah dianggap sebagai hilang upaya yang baru.

# PENGGUNAAN KAD CUEPACSCARE

## Semasa mendaftar masuk hospital

Kemukakan kad CuepacsCare dan kad pengenalan untuk pengesahan.

Permohonan untuk mendapatkan surat jaminan akan dilakukan oleh pihak hospital. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan sewaktu membuat permohonan.

* Surat jaminan akan dikeluarkan, jika penyakit yang dihidapi dilindungi sijil.

* Surat jaminan tidak akan dikeluarkan, jika penyakit yang dihidapi tidak dilindungi sijil atau doktor tidak dapat mengesahkan jenis penyakit (diagnosis).

***Anda dinasihatkan untuk mendapatkan kelulusan Surat Jaminan daripada pihak TPA sebelum meneruskan rawatan kemasukan wad.***

## Semasa urusan keluar hospital

Bil hospital akan dihantar kepada pihak TPA (Third Party Administrator) untuk diteliti.

Pihak TPA akan meneliti kos rawatan dan mengeluarkan arahan bayaran mengikut sijil Takaful.

Anda hanya membayar bayaran tambahan kepada hospital (jika ada) atau untuk rawatan yang tidak dilindungi oleh sijil.

**** Nota** : Tertakluk kepada terma dan syarat kontrak.*
***TPA** : Pentadbir Pihak Ketiga*

## PENDAFTARAN & PEMERIKSAAN AWAL



- Anda dikehendaki untuk melakukan pendaftaran di kaunter pendaftaran hospital panel CuepacsCare.
- Pegawai perubatan akan melakukan pemeriksaan lanjut terhadap masalah kesihatan anda.
- Sekiranya rawatan kemasukan wad diperlukan, anda akan dirujuk kepada pakar perubatan untuk mendapatkan rawatan lanjut.
- Pegawai perubatan/pakar perubatan akan melengkapkan borang permohonan untuk mendapatkan surat jaminan daripada pentadbir pihak ketiga (TPA).
- Anda dinasihatkan untuk memberikan maklumat kesihatan anda secara telus kepada pegawai perubatan/pakar perubatan. Ini adalah kerana maklumat yang anda berikan mungkin dapat membantu pihak TPA untuk mengeluarkan Surat Jaminan.
- Pegawai perubatan/pakar perubatan mungkin akan melakukan penyiasatan awal melalui ujian darah/X-ray/Imbasan Ultrasound/Imbasan CT/MRI (jika perlu).
- Ujian saringan awal ini adalah diperlukan untuk membantu pegawai perubatan/pakar perubatan untuk mengenal pasti masalah kesihatan dan juga menentukan kaedah rawatan yang tepat untuk masalah kesihatan tersebut. Dalam sesetengah kes, anda mungkin dikehendaki untuk membayar kos ujian saringan awal terlebih dahulu sebelum Surat Jaminan dapat dikeluarkan.

## KEMASUKAN WAD



- **Anda dinasihatkan untuk mendapatkan kelulusan Surat Jaminan daripada pihak TPA sebelum meneruskan rawatan dan kemasukan wad.**
- Anda juga perlu berada di hospital sepanjang tempoh permohonan untuk membolehkan Surat Jaminan dikeluarkan oleh pihak TPA. Tiada sebarang Surat Jaminan akan dikeluarkan sekiranya pesakit tidak berada di hospital.
- TPA akan memaklumkan pihak anda dan juga hospital sekiranya Surat Jaminan diluluskan/tidak diluluskan.
- Bagi sesetengah hospital, anda mungkin akan dikehendaki untuk membayar deposit sebelum meneruskan rawatan dan kemasukan wad.
- Deposit yang telah dibayar akan dipulangkan oleh pihak hospital jika kos rawatan anda ditanggung sepenuhnya oleh pihak pengendali takaful. Sekiranya terdapat sejumlah kos rawatan yang tidak dilindungi (kos penggunaan telefon, makanan tambahan, vitamin, suplemen dan sebagainya), kos tersebut akan ditolak daripada deposit yang telah dibayar.
- Sekiranya Surat Jaminan tidak dapat diluluskan oleh pihak TPA, anda masih boleh meneruskan rawatan dan kemasukan wad dengan membuat pembayaran terlebih dahulu untuk keseluruhan kos / rawatan. Tuntutan pembayaran balik boleh dilakukan melalui pihak TPA dengan menghantar borang tuntutan berserta salinan asal bil & resit hospital kepada pihak TPA. Kelulusan pembayaran balik kos rawatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tertera di dalam polisi CuepacsCare.
- Setelah mendapatkan Surat Jaminan, anda bolehlah meneruskan rawatan dan kemasukan wad. Ujian lanjut dan rawatan akan dilakukan oleh pihak pakar perubatan.

# DISCAJ DARIPADA HOSPITAL



- Setelah keadaan kesihatan anda pulih, anda akan diberikan kebenaran discaj daripada hospital oleh pegawai perubatan/pakar perubatan.
- Pihak hospital akan menyediakan permohonan untuk mendapatkan Surat Jaminan Discaj daripada pihak TPA.
- Proses permohonan untuk mendapatkan Surat Jaminan Discaj akan mengambil masa ekoran pihak hospital perlu menyediakan bil discaj, laporan penyiasatan lengkap dan laporan perubatan daripada pakar perubatan.
- TPA akan memaklumkan pihak hospital dan pesakit sekiranya Surat Jaminan Discaj telah diluluskan.
- Anda akan dikehendaki untuk membuat pembayaran untuk kos rawatan yang tidak ditanggung oleh pihak pengendali takaful (jika ada).
- Anda dinasihatkan untuk membuat semakan terhadap bil discaj terlebih dahulu untuk memastikan caj yang dikenakan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, anda dikehendaki untuk memaklumkan kepada pihak hospital dengan segera.

# PROSEDUR TUNTUTAN

**1. PROSEDUR TUNTUTAN**

a) Anda hendaklah dalam tempoh 30 hari bagi hilang upaya yang melibatkan perbelanjaan boleh dituntut, memberikan notis bertulis kepada FWD Takaful Berhad / TPA dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, serta laporan lengkap pakar perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh bermula hilang upaya mengikut pendapat pakar perubatan dan rumusan kos rawatan oleh pakar perubatan termasuk ubat dan khidmat yang diberikan. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dibenarkan tidak boleh membatalkan sebarang tuntutan jika ia menunjukkan adalah tidak munasabah untuk memberikan notis itu dalam tempoh yang diberikan dan notis itu telah pun diberikan secepat yang mungkin.

b) Anda hendaklah dengan kadar segera mendapatkan dan bertindak berdasarkan nasihat perubatan yang sewajarnya. FWD Takaful Berhad tidak akan bertanggungjawab sekiranya anda gagal mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan rawatan atau perkhidmatan.

c) Semua tuntutan yang diluluskan akan dibayar kepada anda.

**2. TUNTUTAN TIDAK LENGKAP**

Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada FWD Takaful Berhad / TPA dalam tempoh 30 hari setelah selesai kejadian. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat yang layak tidak akan dibayar kecuali semua bil untuk tuntutan itu telah diserahkan dan dipersetujui oleh FWD Takaful Berhad. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang perbezaan atau pengecualian bagi perkara di atas akan mengikut budi bicara FWD Takaful Berhad.

**3. MATA WANG BAYARAN**

Semua bayaran di bawah Sijil Induk in hendaklah dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Sekiranya anda meminta untuk membuat pembayaran dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta dan boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang semasa dan pada tarikh penyelesaian tuntutan.

# KUALA LUMPUR

1. **AL ISLAM SPECIALIST HOSPITAL**
No.85, Jalan Raja Abdullah,
Kg.Baru 50300 Kuala Lumpur.
Tel: 03 2693 1007

2. **DAMAI SERVICE HOSPITAL (HQ)**
109-119, 109-119, 1st Mile,
Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur.
Tel: 03 4043 4900

3. **HOSPITAL PUSRAWI**
149, Jalan Tun Razak, Titiwangsa,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 03 2687 5000

4. **KPJ TAWAKKAL SPECIALIST HOSPITAL**
1, Jalan Pahang Barat, Pekeliling,
53000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4026 7777

5. **PANTAI HOSPITAL AMPANG**
Jalan Perubatan 1, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.
Tel: 03 4289 2828

6. **LOURDES MEDICAL CENTRE**
244, Jalan Sultan Azlan Shah,
Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.
Tel: 03 8064 4741

7. **TAMAN DESA MEDICAL CENTRE**
45, Jalan Desa, Taman Desa,
58100 Kuala Lumpur.
Tel: 03 7982 6500

8. **PANTAI CHERAS MEDICAL CENTRE**
No. 1 Jalan 1/96A, Taman Cheras Makmur,
56100 Kuala Lumpur.
Tel: 03 9145 2888

9. **UKM SPECIALIST CENTRE**
Jalan Yaacob Latif, Level 7,
HCTM UKM, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.
Tel: 03 9145 7838

10. **SENTOSA MEDICAL CENTRE**
36 Jalan Cemor, Kompleks Damai,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 03 4043 7166

11. **TUNG SHIN HOSPITAL**
102, Jalan Pudu,
Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.
Tel: 03 2037 2288

# SELANGOR

1. **COLUMBIA ASIA HOSPITAL BUKIT RIMAU**
No. 3, Persiaran Anggerik Eria, Bukit Rimau,
Seksyen 32, 40460 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03 5125 9999

2. **KAJANG PLAZA MEDICAL CENTRE**
36, Jalan Dato' Seri P. Alagendra 2,
Bnadar Kajang, 43000 Kajang, Selangor.
Tel: 03 8739 8979

3. **KELANA JAYA MEDICAL CENTRE**
FAS Business Avenue, Jalan SS 7/2,
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03 7805 2111

4. **KPJ AMPANG PUTERI SPECIALIST HOSPITAL**
1, Jalan Mamanda 9, Taman Dato Ahmad Razali,
68000 Ampang, Selangor.
Tel: 03-4270 2500

5. **KPJ DAMANSARA SPECIALIST HOSPITAL**
119, Jalan SS 20/10, Damansara Utama,
47400 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-7718 1000

6. **KPJ KLANG SPECIALIST HOSPITAL**
102, Persiaran Rajawali/KU 1,
Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor.
Tel: 03 3377 7888

7. **KPJ KAJANG SPECIALIST HOSPITAL**
Jalan Cheras, Kampung Sungai Kantan,
43000 Kajang, Selangor.
Tel: 03 8769 2999

8. **KPJ SELANGOR SPECIALIST HOSPITAL**
Jalan Singa 20/1, Seksyen 20,
40300 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03 5543 1111

9. **KPJ RAWANG SPECIALIST HOSPITAL**
Jalan Rawang, Bandar Baru Kundang,
48000 Rawang, Selangor.
Tel: 03-6099 8999

10. **MANIPAL HOSPITALS**
Lot 83211, Persiaran Batu Nilam,
Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor.
Tel: 03 3884 3884

11. **PANTAI HOSPITAL KLANG**
Lot 5921, Persiaran Raja Muda Musa,
Taman Radzi, 41200 Klang, Selangor.
Tel: 03 3258 5500

12. **SENTOSA SPECIALIST HOSPITAL**
27-29, Lorong Temenggung 15A,
Taman Sentosa Perdana,
41200 Klang, Selangor.
Tel: 03 5162 8814

13. **SRI KOTA SPECIALIST MEDICAL CENTRE**
Jalan Mohet, Kawasan 1,
41000 Klang, Selangor.
Tel: 03 3375 7799

14. **SUNWAY MEDICAL CENTRE**
5 Jalan Lagoon Selatan, Bandar Sunway,
46150 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03 7491 9191

15. **THOMSON HOSPITAL KOTA DAMANSARA**
11, Jalan Teknologi, PJU 5, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03 6287 1111

## NEGERI SEMBILAN

1. **KPJ SEREMBAN SPECIALIST HOSPITAL**
Lot 6219 & 6220, Jalan Toman 1,
Kemayan Square 70200 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel: 06 7677 800

2. **COLUMBIA ASIA MEDICAL CENTRE SEREMBAN**
292, Jalan Haruan 2, Oakland
Commercial Center, 70300 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel: 06 6033 988

3. **N.S CHINESE MATERNITY HOSPITAL**
Jalan Tun Dr.Ismail, 70200 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel: 06 7631 688

## MELAKA

1. **PANTAI HOSPITAL AYER KEROH**
No. 2418-1, KM 8, Lebuh Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel: 06 2319 999

2. **PUTRA SPECIALIST HOSPITAL (MELAKA)**
No. 169, Jalan Bendahara,
75100 Melaka.
Tel: 06 2835 888

## JOHOR

1. **HOSPITAL PENAWAR**
   No. 17 (A-D) & 18 (A-D),
   Pusat Perniagaan Pasir Gudang,
   81700 Pasir Gudang, Johor.
   Tel: 07 2521 800

2. **KPJ JOHOR SPECIALIST HOSPITAL**
   39-B, Jalan Abdul Samad, Kolam Ayer,
   80100 Johor Bahru, Johor.
   Tel: 07 2253 000

3. **KPJ BANDAR MAHARANI SPECIALIST HOSPITAL**
   73, 1, Jalan Stadium, Kampung Baharu,
   84000 Muar, Johor.
   Tel: 06-9564 500

4. **PANTAI HOSPITAL BATU PAHAT**
   9S, Jalan Bintang Satu, Taman Koperasi
   Bahagia, 83000 Batu Pahat, Johor.
   Tel: 07 4338 811

5. **KPJ PASIR GUDANG SPECIALIST HOSPITAL**
   Persiaran Dahlia 2, Taman Bukit Dahlia,
   81700 Pasir Gudang, Johor.
   Tel: 07-2573 900

6. **KPJ PUTERI SPECIALIST HOSPITAL**
   33, Jalan Tun Abdul Razak, Susur 5,
   80000 Johor Bahru, Johor.
   Tel: 07 2253 222

7. **KPJ KLUANG UTAMA SPECIALIST HOSPITAL**
   No. 1, Susur 1, Jalan Besar,
   86000 Kluang, Johor.
   Tel: 07 7718 999

8. **PUTRA SPECIALIST HOSPITAL BATU PAHAT**
   1, Jalan Peserai,
   83000 Batu Pahat, Johor.
   Tel: 07 4133 333

## PAHANG

1. **DARUL MAKMUR MEDICAL CENTRE**
   Jalan Kempadang Makmur, Taman Kempadang
   Makmur, 26060 Kuantan, Pahang.
   Tel: 09 5349 988

2. **KPJ PAHANG SPECIALIST HOSPITAL**
   Jalan Tanjung Lumpur,
   26060 Kuantan, Pahang.
   Tel: 09 5112 692

3. **KUANTAN MEDICAL CENTRE**
   Jalan Tun Razak,
   Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan,
   Pahang.
   Tel: 09 5902 828

## KELANTAN

1. **KOTA BHARU MEDICAL CENTRE**
   PT 179-184, Jalan Sultan Yahya Petra,
   Taman Aman, 15200 Kota Bharu, Kelantan.
   Tel: 09 7433 399

2. **KPJ PERDANA SPECIALIST HOSPITAL**
   PT 37 & 600, Jalan Bayam, Bandar Kota Bharu
   15200 Kota Bharu, Kelantan.
   Tel: 09 7458 000

## TERENGGANU

1. **KUALA TERENGGANU SPECIALIST HOSPITAL**
   Lot 3963, Jalan Sultan Mahmud,
   20400 Kuala Terengganu, Terengganu.
   Tel: 09 6378 888

## KEDAH

1. **PANTAI HOSPITAL LAGUNA MERBOK**
   1/10, Lorong BLM 1/10, Bandar Laguna Merbok
   08000 Sungai Petani, Kedah.
   Tel: 04 4423 888

2. **KEDAH MEDICAL CENTRE**
   175 Jalan Pumpong, Mukim Alor Merah,
   05250 Alor Setar, Kedah.
   Tel: 04 7308 878

3. **PANTAI HOSPITAL SUNGAI PETANI**
   1, Pesiaran Cempaka, Bandar Amanjaya,
   08000 Sungai Petani, Kedah.
   Tel: 04 4428 888

## PERLIS

1. **KPJ PERLIS SPECIALIST HOSPITAL**
   No. 77, Jalan Dato Wan Ahmad,
   01000 Kangar, Perlis.
   Tel: 04 9707 777

## PULAU PINANG

1. **HOSPITAL LAM WAH EE**
   Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim,
   11600 George Town, Pulau Pinang.
   Tel: 04 6571 888

2. **HOPE CHILDREN HOSPITAL**
   66 & 68, Jalan Dato Ismail Hashim,
   Kampung Manggis, 11900 Bayan Lepas,
   Pulau Pinang.
   Tel: 04 2286 557

3. **KPJ PENANG SPECIALIST HOSPITAL**
   570, Jalan Perda Utama, Bandar Baru Perda,
   14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
   Tel: 04 5486 688

4. **PENANG ADVENTIST HOSPITAL**
   465, Jalan Burma, Taman Selamat,
   10350 George Town, Pulau Pinang.
   Tel: 04 2227 200

## PERAK

1. **APOLLO MEDICAL CENTRE**
271, Jalan Taming Sari, Kampung Jambu,
34000 Taiping, Perak.
Tel: 05 8056 000

2. **COLUMBIA ASIA HOSPITAL TAIPING**
5, Jalan Perwira,
34000 Taiping, Perak.
Tel: 05 8208 888

3. **KPJ SRI MANJUNG SPECIALIST HOSPITAL**
Lot 14777, Jalan Lumut,
32000 Sitiawan, Perak.
Tel: 05 6918 153

4. **KPJ IPOH SPECIALIST HOSPITAL**
26, Jalan Raja Dihilir,
30350 Ipoh, Perak.
Tel: 05 2408 777

5. **PERAK COMMUNITY SPECIALIST HOSPITAL**
277, Jalan Raja Permaisuri Bainun
30250 Ipoh, Perak.
Tel: 05 2419 000

6. **KPJ TAIPING MEDICAL CENTRE**
45-49, Jalan Medan Taiping 2,
Medan Taiping, 34000 Taiping, Perak.
Tel: 05 8071 049

7. **YET KAI HOSPITAL**
20, Jalan Chung Thye Phin, Taman Chateau,
30250 Ipoh, Perak.
Tel: 05 2425 333

8. **PANTAI HOSPITAL IPOH**
126, Jalan Tambun, Taman Ipoh,
31400 Ipoh, Perak.
Tel: 05 5405 555

9. **HOSPITAL FATIMAH**
No. 1 Lebuh Chew Peng Loon,
Off Jalan Dato' Lau Pak Khuan,
Ipoh Garden, 31400 Ipoh, Perak.
Tel: 05 5455 777

## SARAWAK

1. **BINTULU MEDICAL CENTRE**
Lot 6009, Block 31, Kemena Land District,
97000 Bintulu, Sarawak.
Tel: 086 330 333

2. **COLUMBIA ASIA MEDICAL CENTRE - MIRI**
Lot 1035 – 1039,
Jalan Bulan Sabit CDT 155,
98009 Miri, Sarawak.
Tel: 085 437 755

3. **KPJ KUCHING SPECIALIST HOSPITAL**
Lot 10420, Block 11, Tabuan Stutong
Commercial Centre, Jalan Setia Raja,
93350 Kuching, Sarawak.
Tel: 082 365 777

4. **REJANG SPECIALIST HOSPITAL**
No. 25-35, Jalan Pedada,
96000 Sibu, Sarawak.
Tel: 084 323 333

5. **NORMAH MEDICAL SPECIALIST CENTRE**
Jalan Abdul Rahman, Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: 082 440 055

6. **KPJ SIBU SPECIALIST MEDICAL CENTRE**
No 52A-G, Brooke Drive,
96000 Sibu, Sarawak.
Tel: 084 329 900

7. **TIMBERLAND MEDICAL CENTRE**
5164-5165, Block 16,
Rock Road, Taman Timberland,
93250 Kuching, Sarawak.
Tel: 082 234 466

## SABAH

1. **KPJ SABAH SPECIALIST HOSPITAL**
   Lot No.2, Off Jalan Damai,
   Luyang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.
   Tel: 088 211 333

2. **RAFLESIA MEDICAL CENTRE**
   Lot 5-8, Millennium Commercial Centre,
   Jalan Lintas, Kepayan Penampang,
   88200 Kota Kinabalu, Sabah.
   Tel: 088 272 620

*** Untuk senarai terkini dan maklumat lanjut sila layari laman sesawang www.mycuepacscare.my**

Untuk Sebarang Keterangan Lanjut, Sila Hubungi;

MediCare
YOUNG OR OLD, WE INSURE THEM ALL

**Medicare Assistance Sdn Bhd**
(Ibu Pejabat Medicare Assistance Sdn Bhd)
Tel : 03 3371 4248 Faks : 03 3371 4258
Emel : c_service@medicare.org.my

CUEPACSCARE *solutions*
CUEPACSCARE4U SOLUTIONS SDN BHD

**CuepacsCare4U Solutions Sdn Bhd**
(Pusat Khidmat Tuntutan 24 Jam)
Tel : 03 3374 6268 (24 jam)
Faks : 03 3374 1095
Emel : admin@cc4usolutions.my

